

**Untuk siaran segera
7 Mac 2026**

PNB sampaikan manfaat terus kepada rakyat menerusi program Santuni MADANI, dengan sumbangan RM650,000 bagi memperkasa lebih daripada 300 penduduk di Kampung Telok Kandis

Telok Kandis, Alor Setar, Kedah, 7 Mac 2026 – Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM650,000 bagi melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah program Santuni MADANI, yang bertujuan memperkukuh pembangunan ekonomi tempatan, meningkatkan akses pendidikan, serta mempertingkatkan kesejahteraan rakyat setempat di Kampung Telok Kandis dan kawasan sekitarnya.

Program Santuni MADANI merupakan inisiatif khas yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dilaksanakan oleh semua ketua jabatan serta agensi kerajaan bagi memacu pertumbuhan inklusif serta memperluas manfaat ekonomi kepada komuniti akar umbi. Selain Kampung Telok Kandis, PNB turut memperuntukkan RM670,000 bagi pelaksanaan program Santuni MADANI di Kampung Merlimau Pantai, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan untuk kedua-dua kampung sebanyak RM1.32 juta.

Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Rick Ramli, yang pulang ke kampung halamannya di Kampung Telok Kandis untuk berbuka puasa bersama masyarakat setempat, berkata, "Misi PNB adalah membina kemakmuran bersama. Setiap pelaburan yang dilaksanakan perlu memberi nilai langsung dan nyata kepada komuniti serta membuka peluang jangka panjang kepada generasi akan datang."

Perkasa Usahawan Tempatan

Di bawah Program Santuni MADANI PNB, seramai 13 usahawan tempatan di Kampung Telok Kandis menerima bimbingan keusahawanan daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), meliputi pengukuhan asas perniagaan, pendigitalan operasi dan peluasan akses pasaran. Usaha ini dapat meningkatkan kemampanan pendapatan serta merancakkan ekonomi luar bandar.

Salah seorang usahawan, Mohd Redzuan bin Zainal, 43, yang menjalankan perniagaan katering dan makanan sejuk beku, berkata, "Program ini telah memberi saya keyakinan untuk mengembangkan perniagaan saya. Peralatan dan sesi bimbingan telah membantu saya memahami dengan lebih baik cara mengurus perniagaan serta meneroka peluang baharu. Saya berterima kasih kerana organisasi seperti PNB terus menyokong usahawan kecil dalam komuniti kami di Kampung Telok Kandis."

Pelaburan Infrastruktur Komuniti dan Menyantuni Golongan Memerlukan

PNB turut membiayai pembinaan dewan serbaguna terbuka, penaiktarafan Tabika KEMAS dan kerja baik pulih pintu gerbang kampung bagi meningkatkan kemudahan awam serta memperkukuh identiti komuniti Kampung Telok Kandis.

Sempena Ramadan, PNB turut menyalurkan sumbangan tunai dan barangan makanan asas kepada 60 penerima asnaf, selain menyumbang katil perubatan dan kerusi roda kepada keluarga yang memerlukan sokongan kesihatan.

Sokong Pendidikan dan TVET

Sebanyak 10 pelajar dari kampung sekitar daerah Kota Setar and Sik menerima Biasiswa TVET PNB untuk melanjutkan pengajian diploma dalam bidang perakaunan, kejuruteraan dan perniagaan. Selain daripada akademik, inisiatif ini juga membekalkan mereka dengan kemahiran hidup penting seperti komunikasi, penyelesaian masalah, dan literasi kewangan, bagi melahirkan bakat yang serba boleh dan mahir selaras dengan keperluan industri masa depan.

Selain itu, Sekolah Kebangsaan Alor Mengkudu dipilih sebagai Sekolah Angkat Malaysia MADANI-PNB dengan sumbangan Smart TV dan bantuan kepada murid asnaf bagi menyokong pembelajaran digital dan pembangunan pelajar secara holistik.

Pelaksanaan Santuni MADANI di Kampung Telok Kandis mencerminkan pendekatan menyeluruh PNB dalam memastikan pelaburan syarikat berkaitan kerajaan diterjemahkan kepada manfaat langsung kepada rakyat, selari dengan agenda pembangunan inklusif negara.

"PNB komited memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan benar-benar memberi kesan kepada kehidupan rakyat dengan memperkukuh ekonomi, membuka akses pendidikan dan meningkatkan kesejahteraan komuniti secara mampan," tambah Dato' Rick.

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad